

SYARAT – SYARAT & PERATURAN PERTANDINGAN

1. Nama pertandingan adalah ”**Program Belia Bersama ATV 2016**”, yang akan diadakan seperti di borang penyertaan.
2. Pertandingan adalah terbuka kepada semua belia yang berada di kawasan pentadbiran Majlis dan Negeri Selangor Darul Ehsan.
3. Setiap pasukan dianggotai oleh lima (5) orang peserta.
4. Yuran penyertaan untuk setiap kumpulan adalah sebanyak RM 325.00 sahaja (**RM 65.00 seorang**).
5. Syarat-syarat pertandingan adalah mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh pihak urusetia iaitu :
 - a. Peserta hendaklah berumur 16 tahun ke atas sahaja;
 - b. Pertandingan ini **BUKAN** untuk menguji kelajuan sesebuah ATV yang ditunggang. Sebaliknya, pertandingan ini adalah untuk menilai setiap peserta di dalam setiap kumpulan yang boleh bekerja di dalam kumpulan, semangat kesetiakawan, sifat tidak mementingkan diri sendiri, menghargai alam semulajadi, survival dan mematuhi arahan dari pihak marshal.
 - c. Pematuhan kepada had laju yang selamat adalah ditekankan bagi menjamin keselamatan peserta.
 - d. Peserta dikehendaki menandatangani Borang Pelepasan Tanggungan sebelum menunggang ATV;
 - e. Sebuah ATV ditunggang oleh seorang peserta sahaja. Penumpang adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali dalam situasi kecemasan yang tidak dapat dielakkan semasa pertandingan sedang berlangsung.
 - f. Setiap peserta perlu sentiasa memakai topi keledar yang disediakan oleh pihak urusetia sepanjang pertandingan dijalankan.
 - g. Semua pasukan perlu menggunakan laluan dan kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia. Penyertaan adalah **TERBATAL** sekiranya menggunakan laluan yang tidak diluluskan.
 - h. Peserta adalah **DILARANG** menunggang ATV semasa di bawah pengaruh alkohol, dadah atau ubat-ubatan lain. Ketidakpatuhan ke atas arahan ini boleh membawa kepada kesan negatif dan kemalangan.

- i. Menghormati pelumba lain dan alam sekitar. Peserta adalah bertanggungjawab ke atas ATV yang ditunggang dan perlu membayar ganti rugi sekiranya berlaku kecuaiian ketika menunggang atau melanggar mana-mana peraturan pertandingan.
 - j. Pihak urusetia berhak membatalkan, menghalang atau menolak penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Tiada bayaran balik kepada peserta bagi kes sedemikian.
6. Setiap peserta dikehendaki membawa lebih t-shirt dan seluar sebaik sahaja pertandingan selesai.
7. Borang penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada pihak urusetia. Mana-mana borang penyertaan yang tidak lengkap akan DITOLAK.
8. Setiap pasukan hendaklah berada di lokasi ATV 10 minit sebelum pertandingan bermula. Pihak urusetia akan menyediakan pengangkutan dari jalan utama ke lokasi pertandingan ATV.
9. Urusetia pertandingan berkuasa MUTLAK membatalkan dan mengubah peraturan serta syarat pertandingan mengikut keadaan semasa. Sebarang keputusan pengadil dan urusetia adalah MUKTAMAD.
10. Pihak urusetia tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda dan kecederaan yang berlaku ke atas peserta.
11. Sebarang bantahan / rayuan boleh dibuat oleh ketua kumpulan secara bertulis dan bukti hitam putih kepada Jawatankuasa Urusetia Pertandingan tidak lebih dari 20 minit selepas pertandingan berserta dengan bayaran wang tunai RM 300.00 yang tidak akan dikembalikan.

12. Sebarang pertanyaan sila hubungi :-
**Tingkat 9, Jabatan Belia Masyarakat,
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur,
Tel : 03-4296 8012 / Faks : 03-4297 1805.
(Asnor 013-6796568) / (Muhaimin 017-3995977)**



PROGRAM BELIA BERSAMA ATV 2016

BORANG PENYERTAAN

NAMA KUMPULAN PASUKAN :

BIL	NAMA PESERTA	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON	SAIZ T-SHIRT
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

***Sila lampirkan salinan kad pengenalan untuk setiap peserta.**

***T-shirt dan kupon makanan boleh diambil pada 20 Mei 2016(Jumaat)
8 pagi hingga 5.00 petang.**

PERAKUAN PESERTA :

Kami akan mematuhi segala peraturan, undang-undang dan syarat yang ditetapkan dalam pertandingan ini. Kami mengakui semua butiran yang diberikan adalah benar dan jika penipuan dilakukan kami bersedia permohonan kami ditolak. Kami tidak akan menuntut atau mendakwa jawatankuasa pertandingan jika berlaku sebarang musibah ke atas diri kami (seperti nama yang diberikan) sebelum, semasa atau selepas pertandingan diadakan.

Tarikh :

**PELAN LOKASI KE
PROGRAM BELIA
BERSAMA ATV 2016**



**KAMI DI
SINI**



**ATV ADVENTURE
PARK**

**JELI
CHALET**



**ISI
RIMBA**



**ZIRA MOHD
KEMENSAH
CHALET**



**KOLAM PANCING
UDANG GALAH**



SURAU



**MAAHAD
TAHFIZ**



**ATV
KEMENSAH**



**PAPAN
TANDA KG.
KEMENSAH**



**ZOO
NEGARA**